



# SUBMODUL PERISYTIHARAN HARTA HRMIS



**SESI PERBINCANGAN SELARI**  
HOTEL RENAISSANCE, KOTA BHARU, KELANTAN  
11 HINGGA 13 JULAI 2010



# SKOP PEMBENTANGAN

**1. STATUS PELAKSANAAN SUMODUL PERISYTIHARAN HARTA**

**3. PERKARA PERBINCANGAN**

**4. RUJUKAN**

# PERKARA PERBINCANGAN

BIL	ISU / MASALAH	ULASAN
1	<p>Adakah perlu untuk no. rujukan fail peribadi dalam HRMIS yang dipapar secara automatik ditukar kepada no. rujukan sedia ada seperti fail yang telah diwujudkan secara manual</p>	<p>No. rujukan yang disediakan adalah merujuk kepada no. fail peribadi pegawai (Submodul Profil Perkhidmatan). Sekiranya agensi mempunyai fail khusus untuk perisytiharan harta, maka no rujukan fail berkenaan boleh diubah mengikut kesesuaian dan keperluan agensi. Ini adalah untuk memudahkan rujukan masa hadapan dengan menggunakan no. rujukan yang sama.</p>

# PERKARA PERBINCANGAN

BIL	ISU / MASALAH	ULASAN
2	Terdapat kesukaran bagi Pemilik Kompetensi melupuskan harta (bagi harta yang diisytihar melalui kaedah manual sebelum HRMIS diperkenalkan)	Jika Pemilik Kompetensi hendak melupuskan harta yang diisytiharkan (bagi harta yang diisytihar melalui kaedah manual sebelum HRMIS diperkenalkan) Pemilik Kompetensi perlu isytihar dahulu harta tersebut dalam HRMIS kerana maklumat bagi harta tersebut belum dimasukkan ke dalam HRMIS. Setelah harta tersebut diambil maklum, Pemilik Kompetensi bolehlah membuat pelupusan harta melalui HRMIS


# PERKARA PERBINCANGAN

BIL	ISU / MASALAH	ULASAN
3	Keperluan mengisytiharkan harta bagi pegawai dan pasangan yang masing-masing berkhidmat dengan kerajaan.	<p>Keperluan berdasarkan Peraturan 10, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993. Setiap pegawai perlu mengisytiharkan harta sendiri, isteri/suami (pasangan) dan anak masing-masing.</p> <p>Ini adalah kerana Ketua Jabatan masing-masing perlu ambil maklum bagi maklumat harta pegawainya.</p>

# PERKARA PERBINCANGAN

BIL	ISU / MASALAH	ULASAN
4	<p>Bagi pegawai yang telah mengisytiharkan harta secara manual, maklumat tarikh mula atau tarikh tamat bayar dan bayaran ansuran bulanan tidak dicatatkan/disertakan. Sukar untuk memasukkan maklumat melalui data sejarah.</p>	<p>Maklumat yang diperlukan untuk dimasukkan melalui data sejarah adalah 3 item sahaja iaitu tarikh diambil maklum, no. rujukan dan tarikh surat pemakluman dikeluarkan.</p> <p>Pegawai adalah digalakkan mengisytiharkan harta melalui HRMIS dari semasa ke semasa.</p>

# PERKARA PERBINCANGAN



BIL	ISU / MASALAH	ULASAN
5	Komitmen dan kesedaran Ketua Jabatan dalam memastikan pegawainya melaksanakan perisytiharan harta melalui HRMIS	Tugas kawalan dan pengawasan tatatertib termasuk perisytiharan harta adalah di bawah tanggungjawab Ketua Jabatan (Peraturan 3C, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib))

# PERKARA PERBINCANGAN

BIL	ISU / MASALAH	ULASAN
6	Pengemaskinian maklumat harta sangat terperinci dan menyukarkan pegawai untuk membuat pengisytiharan harta	Format borang yang terdapat dalam HRMIS adalah berdasarkan format perisytiharan harta yang dikeluarkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 2002.



# PERKARA PERBINCANGAN

BIL	ISU / MASALAH	ULASAN
7	ASB, insurans dan pinjaman PTPTN yang dibayar bulanan dan bukan melalui potongan gaji perlu dikategorikan dalam simpanan atau saham?	Bagi perisytiharan wang tunai sama ada kategori ASB / Insurans / Saham / PTPTN perlu isytiharkan jumlah semua untuk kali pertama, jika ada perubahan (tambah atau lupus) apabila simpanan berubah sebanyak 6 bulan emolumen (gaji dan elaun) atau RM10,000 yang mana terendah.

# PERKARA PERBINCANGAN

BIL	ISU / MASALAH	ULASAN
8	Mohon agar diberi peranan untuk menghapuskan maklumat harta bagi Pemilik Kompetensi yang bermasalah	Peranan tersebut telah diberikan kepada <i>Aset Admin</i> untuk menghapuskan perisytiharan harta yang telah diambil maklum.

# PERKARA PERBINCANGAN

BIL	ISU / MASALAH	ULASAN
9	Mohon beri makluman jenis-jenis saham yang perlu diisytiharkan atau tidak perlu diisytiharkan.	Semua jenis saham hendaklah diisytiharkan. Jika berlaku perubahan nilai saham lebih 6 bulan emolumen atau RM10,000 maka, perlu diisytihar semula sebagai harta tambahan.


# PERKARA PERBINCANGAN

BIL	ISU / MASALAH	ULASAN
10	Pegawai yang telah mengisytiharkan harta secara manual dan masih berada dalam tempoh yang sah perlu pengisytiharkan harta berkenaan melalui HRMIS	<p>Pegawai adalah digalakkan untuk mengisytiharkan semula hartanya melalui HRMIS. Ini adalah kerana KPI dinilai berdasarkan penggunaan submodul ini (melalui proses) dan bukannya melalui data sejarah.</p> <p>Tempoh 5 tahun perisytiharan harta pegawai masih sah tetapi pihak urus setia perlu mengemaskini maklumat tersebut melalui data sejarah. Oleh yang demikian, dicadangkan agar pegawai mengisytiharkan harta melalui HRMIS agar rekod pengemaskinian harta adalah yang terkini.</p>

# PERKARA PERBINCANGAN

BIL	ISU / MASALAH	ULASAN
11	<p>Submodul Perisytiharan Harta HRMIS dijadikan subjek penting (wajib) semasa kursus induksi umum bagi pegawai yang baru dilantik ke perkhidmatan awam.</p>	<p>Bagi kursus induksi, Perisytiharan Harta adalah salah satu subjek dalam Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 dan termasuk juga pekeliling / surat pekeliling yang berkaitan.</p> <p>Submodul Perisytiharan Harta HRMIS merupakan kaedah mengisytiharkan harta melalui sistem tanpa perlu mengisi borang secara manual.</p>

# PERKARA PERBINCANGAN



BIL	ISU / MASALAH	ULASAN
12	Keluarkan surat peringatan / amaran kepada Pemilik Kompetensi untuk mengisytiharkan harta.	Notifikasi peringatan telah disediakan dalam HRMIS bagi pegawai yang telah mengisytiharkan harta melalui HRMIS. Notifikasi peringatan ini akan dihantar kepada Pemilik Kompetensi sebulan sebelum cukup tempoh 5 tahun perisytiharan yang telah dilakukan melalui HRMIS. Bagi pegawai baru, urus setia perlu memantau status tersebut melalui laporan senarai pegawai yang belum mengisytiharkan harta.

# PERKARA PERBINCANGAN

BIL	ISU / MASALAH	ULASAN
13	Mohon JPA meletakkan <i>shortcut</i> jenis-jenis harta yang perlu diisytihar kerana timbul isu kekeliruan tentang jenis harta yang perlu diisytihar oleh Pemilik Kompetensi	<p>Rujukan:</p> <ol style="list-style-type: none"><li data-bbox="1112 529 1835 743">1) Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 2002 – Pemilikan dan Perisytiharan Harta Oleh Pegawai Awam</li><li data-bbox="1112 772 1835 1043">2) Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 8 Tahun 2008 – Pelaksanaan Modul Pengurusan Rekod Peribadi – Submodul Perisytiharan Harta</li><li data-bbox="1112 1072 1835 1386">3) Surat Edaran JPA bertarikh 29 Mac 2010 – Penetapan Harta Di bawah Subperaturan 10(8) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993</li></ol>

# PERKARA PERBINCANGAN

BIL	ISU / MASALAH	ULASAN
14	<p>Penyediaan aliran kerja (<i>workflow</i>) bagi <i>Asset Approver</i> perlu ada bagi memudahkan urusan daripada Urus Setia Harta kepada <i>Approver</i></p>	<p><i>Workflow</i> daripada <i>Asset Approver</i> telah disediakan namun ada permintaan agar ia disediakan secara <i>user selection</i> (agar tindakan boleh diambil sekiranya <i>Asset Approver</i> bertukar keluar, <i>Asset Secretariat</i> boleh menghantar perisytiharan harta Pemilik Kompetensi kepada pegawai yang menanggung kerja.</p>




# PERKARA PERBINCANGAN



BIL	ISU / MASALAH	ULASAN
15	Sekiranya berlaku penghantaran transaksi berulang, transaksi yang sama tidak boleh dihapuskan dalam peti simpanan	Transaksi berulang berlaku disebabkan Pemilik Kompetensi menekan butang 'Hantar' berulang kali. Sehubungan dengan itu, sistem telah ditambahbaik dengan memaparkan mesej 'penghantaran sedang dilakukan, sila tunggu'.

# PERKARA PERBINCANGAN



BIL	ISU / MASALAH	ULASAN
16	Tindakan penyelesaian masalah / penerangan dengan kadar segera oleh Pemilik Modul JPA.	<p>Pemilik Modul JPA juga terlibat dengan peluasan modul/submodul HRMIS di agensi kerajaan. Oleh yang demikian, Pemilik Modul tidak berada di pejabat sepanjang masa.</p> <p>Sehubungan dengan itu, sebarang permasalahan bolehlah dimajukan kepada <a href="mailto:hrmis_helpdesk@jpa.gov.my">hrmis_helpdesk@jpa.gov.my</a> dan Pemilik Modul akan cuba menyelesaikan masalah / log berdasarkan <i>first come first serve</i>.</p>

# PERKARA PERBINCANGAN

BIL	ISU / MASALAH	ULASAN
17	<p>Apabila maklumat harta dihantar, dicadangkan agar maklumat tersebut dipaparkan juga sebagai makluman kepada Pemilik Kompetensi agar tidak berlaku penghantaran berulang kali.</p>	<p>Apabila maklumat harta telah dihantar, Pemilik Kompetensi boleh memantau status perisytiharan harta di menu 'Papar Status Perisytiharan Harta'</p>

# PERKARA PERBINCANGAN

BIL	ISU / MASALAH	ULASAN
18	Data yang telah ditarik dari sistem SISPEN tidak boleh dipadankan dan maklumat yang dipaparkan adalah tidak lengkap dan tidak boleh dikemaskini	Data di SISPEN adalah tidak lengkap sepertimana dalam HRMIS. Sehubungan dengan itu, dinasihatkan agar maklumat-maklumat yang diperlukan dilengkapkan ke dalam HRMIS

# PERKARA PERBINCANGAN

BIL	ISU / MASALAH	ULASAN
19	<p>Bagi pegawai yang melapor diri dari kementerian / jabatan / agensi yang lain, adakah pegawai tersebut masih perlu membuat perisytiharan harta lagi memandangkan di tempat lama, beliau telah membuat perisytiharan harta dan adakah setiap kali pertambahan harta, perisytiharan perlu dilakukan</p>	<p>Merujuk kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2002. Pegawai perlu mengisytihar harta apabila:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>i) Dilantik ke dalam perkhidmatan awam</li><li>ii) Dikehendaki oleh kerajaan</li><li>iii) Memperolehi harta tambahan</li><li>iv) Melupuskan harta</li></ul>

# PERKARA PERBINCANGAN

BIL	ISU / MASALAH	ULASAN
20	Pengemaskinian semula selepas menerima status 'memerlukan maklumat tambahan' – tidak dapat dikemaskini dan dihantar semula ke urus setia	Pengemaskinian hendaklah di buat di menu 'Papar Status Perisytiharan Harta'. Klik pada <i>hyperlink</i> harta yang berstatus 'memerlukan maklumat tambahan'. Seterusnya kemas kini maklumat berdasarkan keperluan urus setia dan kemudiannya klik 'Hantar'.

# PERKARA PERBINCANGAN

BIL	ISU / MASALAH	ULASAN
21	Peranan urus setia harta bagi membolehkan memasukkan maklumat harta yang telah dihantar secara manual.	Peranan <i>Asset Admin</i> boleh memasukkan dan mengemas kini maklumat harta yang dihantar secara manual

# PERKARA PERBINCANGAN

BIL	ISU / MASALAH	ULASAN
22	Pengguna tidak ada kesedaran untuk isytihar harta kecuali untuk tujuan kenaikan pangkat	Tugas kawalan dan pengawasan tata tertib termasuk perisytiharan harta adalah di bawah tanggungjawab Ketua Jabatan. Pegawai boleh dituduh melanggar peraturan perisytiharan harta sepertimana yang terkandung dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2002 serta ingkar perintah kerana melanggar Peraturan 4(2)(i) atau Peraturan 10, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993



# PERKARA PERBINCANGAN

BIL	ISU / MASALAH	ULASAN
23	Maklumat yang telah dimasukkan akan hilang apabila berlaku gangguan talian	Sekiranya Pemilik Kompetensi belum klik butang 'Simpan' maka maklumat harta yang dimasukkan akan hilang.

# PERKARA PERBINCANGAN

BIL	ISU / MASALAH	ULASAN
24	Pemilik Kompetensi masih keliru dengan maklumat simpanan dan kaedah perisytiharan harta	Sesi latihan kepada wakil agensi telah dilaksanakan oleh JPA sejak 2008 dan masih berterusan sehingga kini. Buku panduan turut disertakan. Agensi yang telah hadir menjalani latihan bertanggungjawab untuk memberikan latihan kepada Pemilik Kompetensi di agensi masing-masing

# PERKARA PERBINCANGAN



BIL	ISU / MASALAH	ULASAN
25	Pemilik Kompetensi yang telah bertukar keluar (putus sandang) tidak dapat mengemaskini harta selagi tidak diambil maklum oleh Ketua Jabatan yang terdahulu	Isu yang melibatkan aliran kerja telah dibincangkan dalam Mesyuarat Aliran Kerja, JPA. Penyelesaian bagi isu-isu ini masih dalam penambahbaikan.

# PERKARA PERBINCANGAN

BIL	ISU / MASALAH	ULASAN
26	Adakah perlu kenderaan bermotor yang berharga kurang daripada RM4,000 diisytiharkan?	<p>Harta tersebut perlu diisytiharkan. Kenderaan bermotor perlu diisytiharkan walaupun harganya RM500.00. Rujuk Surat Edaran JPA bertarikh 29 Mac 2010 para 4 'Dengan berkuat kuasanya P.U.(B)104/2010, semua pegawai awam adalah <b>diwajibkan mengisytiharkan apa-apa jenis kenderaan bermotor kepada Ketua Jabatan masing-masing. Kegagalan pegawai awam mengisytiharkan kenderaan bermotor yang dimilikinya adalah merupakan suatu kesalahan dan boleh dikenakan tindakan tatatertib'</b></p>

# PERKARA PERBINCANGAN

BIL	ISU / MASALAH	ULASAN
27	Bagaimana Pemilik Kompetensi hendak mengisytihar harta sekiranya beliau memiliki perniagaan sebelum berkhidmat dalam perkhidmatan awam (contohnya perniagaan ikan keli)	Perniagaan (contohnya ikan keli) yang tidak didaftarkan (Sdn. Bhd. / Enterprise) adalah dianggap sebagai kerja sampingan. Sekiranya perniagaan tersebut didaftarkan sebagai syarikat contohnya 'Nilai Ikan Keli Sdn. Bhd.' maka pegawai hanya boleh memegang saham syarikat sebanyak 5% sahaja dan tidak boleh menguruskan syarikat tersebut.


# PERKARA PERBINCANGAN

BIL	ISU / MASALAH	ULASAN
28	<p>Pemilik Kompetensi mempunyai 10 ekar tanah. Kemudian beliau menjual 2 ekar sahaja tanah tersebut. Jadi, bagaimanakah pelupusan harta perlu dilakukan? Adakah perlu lupus rekod 10 ekar tanah kemudiannya isytihar semula 8 ekar tanah tersebut? Maklumat yang diisythar semula adalah sama. Bolehkan Pemilik Kompetensi mengemas kini harta bagi maklumat tanah yang telah diambil maklum?</p>	<p>Pemilik kompetensi perlu mengisytihar harta lupus bagi 10 ekar tanah berkenaan kemudiannya isytihar semula baki 8 ekar tanah tersebut. Pada masa ini, sistem belum menyediakan mekanisme kemas kini harta yang telah diambil maklum</p>

# PERKARA PERBINCANGAN

BIL	ISU / MASALAH	ULASAN
29	<p>Pemilik Kompetensi yang mempunyai binatang ternakan. Contohnya pada bulan ini, beliau memelihara 50 ekor lembu. Pada bulan berikutnya menjual 5 ekor lembu. Kemudiannya lahir pula 3 ekor anak lembu.</p>	<p>Aktiviti memelihara binatang ternakan adalah kerja sampingan. Oleh yang demikian harta tersebut tidak perlu diisytiharkan kecuali pegawai tersebut menjual ternakan tersebut dan hasil jualan melebihi RM10,000 atau 6 bulan emolumen, maka pendapat tersebut perlu diisytihar kepada Ketua Jabatan.</p>

# PERKARA PERBINCANGAN



BIL	ISU / MASALAH	ULASAN
30	<p>Pegawai yang berkhidmat di bawah Badan Berkanun mempunyai masalah untuk mengisytiharkan harta melalui HRMIS kerana proses kelulusan perisytiharan harta adalah melalui Jawatankuasa Tatatertib yang mungkin bersidang setahun sekali. Dikuatiri sekiranya harta yang diisytihar tidak diambil maklum pada tahun 2010, KPI agensi akan merosot.</p>	<p>JPA melalui Mesyuarat Kajian Semula KPI HRMIS 2010 dengan Pemilik Proses pada 7 Jun 2010 telah bersetuju agar Badan Berkanun dikecualikan daripada KPI Perisytiharan Harta melalui HRMIS</p>





# RUJUKAN



1. Peraturan 10, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993
2. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2002 – Pemilikan dan Perisytiharan Harta Oleh Pegawai Awam
3. Surat Edaran JPA bertarikh 28 November 2003 – Kewajipan Mengisytiharkan Harta Oleh pegawai Awam Di Bawah Peraturan 10, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993
4. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2008 – Pelaksanaan Modul Pengurusan Rekod Peribadi – Submodul Perisytiharan Harta
5. Surat Edaran JPA bertarikh 29 Julai 2009 – Pematuhan Kepada Arahan Di Perenggan 9, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2002 Mengenai Pemilikan Dan Perisytiharan Harta Oleh Pegawai Awam
6. Surat Edaran JPA bertarikh 29 Mac 2010 – Penetapan Harta Di Bawah SubPeraturan 10(8) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993



**SEKIAN  
TERIMA KASIH**